

7H5M KAZAKHSTAN + KYRGYZSTAN

Almaty - Charyn Canyon - Kolsai Lake - Chon Kemin - Bishkek - Almaty



KOK-TOBE HILL MERUPAKAN DESTINASI PELANCONGAN IKONIK DI ALMATY YANG TERKENAL DENGAN PEMANDANGAN BANDAR YANG MENAKJUBKAN, PERJALANAN KERETA KABEL YANG MENARIK SERTA PELBAGAI AKTIVITI REKREASI UNTUK SEISI KELUARGA.

7H5M

KAZAKHSTAN + KYRGYZSTAN

Almaty - Charyn Canyon - Kolsai Lake - Chon Kemin - Bishkek - Almaty



HARI 01 KUALA LUMPUR - ALMATY

MM

Berkumpul di KLIA 2 untuk menaiki penerbangan ke Almaty.
Bermalam di **Almaty**.

HARI 02 ALMATY - CHARYN CANYON - KOLSAI LAKE - ALMATY

SP/MT/MM

Lawatan di **Charyn Canyon**:

- **Charyn Canyon** dikenali sebagai "Grand Canyon of Kazakhstan", terkenal dengan formasi batuan unik dan pemandangan yang menakjubkan. Terbentuk melalui hakisan Sungai Sharyn selama berjuta-juta tahun, ia merupakan antara tarikan alam semula jadi paling terkenal di Kazakhstan.
- **Kolsai Lake** ialah tasik gunung yang indah di Kazakhstan, terkenal dengan airnya yang jernih, dikelilingi hutan dan banjaran Tian Shan. Ia menjadi destinasi popular untuk aktiviti seperti mendaki, berkelah, dan fotografi alam semula jadi.

Bermalam di **Almaty**.

HARI 03 ALMATY - CHON KEMIN

SP/MT/MM

Bergerak ke Border Kyrgyzstan "Kegen" untuk ke negara Kyrgyzstan.

- Meneruskan perjalanan ke **Chon Kemin Valley**, sebuah lembah yang aman dan indah, dikelilingi gunung serta kampung tradisional Kyrgyz.

Bermalam di **Chon Kemin**.

HARI 04 CHON KEMIN - ALA ARCHA NATIONAL PARK - BISHKEK

SP/MT/MM

Lawatan di **Chon Kemin Valley**:

- Aktiviti tambahan seperti menunggang kuda membolehkan anda menikmati suasana yang tenang, menghirup udara segar pergunungan serta merasai sendiri pengalaman budaya nomad Kyrgyz yang asli.
- **Ala Archa National Park**: Taman negara yang terletak berhampiran Bishkek, Kyrgyzstan. Ia terkenal dengan lanskap gunung yang dramatik, sungai ais, dan laluan mendaki, menjadi destinasi popular untuk aktiviti hiking, berkelah, dan menikmati alam semula jadi.

Bermalam di Bishkek.

HARI 05 BISHKEK - ALMATY

SP/MT/MM

Lawatan di **Bishkek**:

- **Burana Tower** ialah menara tertua di Asia Tengah yang dibina pada abad ke-11. Ia terkenal dengan corak geometri daripada batu-bata dan menjadi inspirasi kepada pembinaan menara lain.
- **Ala-Too Square** ialah dataran utama di Bishkek yang menempatkan Rumah Putih, Muzium Sejarah Negeri, tiang bendera, monumen 7 April, serta patung Chingiz Aitmatov dan Manas.
- **Oak Park** ialah taman tertua di Bishkek yang kini dinamakan sempena Chingiz Aitmatov. Ia menempatkan pokok-pokok lama yang sebahagiannya ditanam sejak 1890 oleh ahli botani Rusia, Alexei Fetisov.
- **Victory Square** ialah dataran di Bishkek yang dibina pada tahun 1985 untuk memperingati kemenangan ke atas Nazi Jerman sempena 40 tahun tamat Perang Dunia II.
- **TSUM** ialah pusat membeli-belah di Bishkek yang popular untuk mendapatkan cenderamata tradisional Kyrgyzstan pada harga berpatutan.
- **Osh Bazaar** ialah pasar tradisional terkenal di Bishkek yang menjual pelbagai barangan seperti makanan, rempah, pakaian dan cenderamata, serta tempat untuk merasai makanan tradisional Kyrgyz.

Bergerak ke Border Kyrgyzstan "Kegen" untuk ke negara Kyrgyzstan.

Bermalam di **Almaty**.

HARI 06 ALMATY - KUALA LUMPUR

SP/MT

Lawatan di **Almaty**:

- **Kok-Tobe Hill** ialah kawasan tarikan di Almaty yang menempatkan Menara TV Almaty (dibina pada 1975) sebagai mercu tanda bandar. Ia menawarkan pemandangan panorama Almaty serta aktiviti seperti kereta kabel, restoran dan lawatan ke menara.
- **Republic Square** ialah dataran utama di Almaty yang digunakan untuk acara rasmi dan upacara kenegaraan. Ia terkenal dengan ruang terbuka yang luas, tugu peringatan, serta bangunan bersejarah di sekitarnya.
- **Independence Monument** ialah monumen di Almaty yang dibina untuk memperingati kemerdekaan Kazakhstan dan menjadi simbol patriotisme serta tarikan pelancong.
- Melawat **Panfilov Park**, sebuah taman bersejarah di Almaty, Kazakhstan, terkenal dengan Katedral Ascension dan tugu peringatan Perang Dunia Kedua, sesuai untuk bersiar-siar dan bergambar.
- **Memorial of Glory** ialah tugu peringatan Perang Dunia Kedua di Panfilov Park, Almaty, dengan Api Abadi sebagai simbol penghormatan kepada pejuang yang terkorban.
- **Zenkov Cathedral** ialah gereja kayu berwarna-warni di Panfilov Park, dibina pada 1907 dan antara bangunan kayu tertinggi di dunia.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 07 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang KLIA 2 .

PERTUKARAN MATA WANG



KAZAKHSTANI TENGE
KZT1000 = RM 8.50



KYRGYZTANI SOM
KGS100 = RM 4.70



PERBEZAAN WAKTU

Kazakstan & Kyrgyzstan: GMT-3
Malaysia: GMT+8



Muslm Panas:

Jun - Ogos



Muslm Luruh:

Sept - November



Muslm Sejuk:

Disember - Feb



Muslm Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



CHARYN CANYON

Keajaiban alam semulajadi di Kazakhstan yang terkenal dengan lembah batu merah yang dramatik dan pemandangan yang menakjubkan.

2.



KOLSAI LAKE

Rangkaian tasik glasier jernih di pergunungan Tian Shan digelar 'Mutiara Tian Shan' dan terkenal dengan pemandangan gunung yang indah serta aktiviti mendaki dan berkhemah.

3.



ALA ARCHA NATIONAL PARK

Taman negara di Kyrgyzstan berhampiran Bishkek, terkenal dengan gaung, glasier, sungai jernih dan pemandangan Tian Shan yang dramatik.

4.



OSH BAZAAR

Pasar ikonik di Bishkek yang menawarkan pengalaman budaya tempatan dengan pelbagai jualan makanan, pakaian dan barangan tradisional.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Almaty	3 Mlm
Chon Kemin	1 Mlm
Bishkek	1 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	D7 600	KUL - ALA	1300	1740
6	D7 601	ALA - KUL	1900	0610+1

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan ke Border Kyrgyzstan dan Kazakhstan.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
- Tip untuk tour guide dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Menunggang kuda di Chon Kemin.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.